

Kajian Komparatif Praktis Kuarters Buruh Berpusat di Malaysia dan di Singapura serta Qatar dalam Sektor Pembinaan

(A Comparative Study of Centralized Labour Quarters (CLQ) Practices in Malaysia and Other Countries Such as Singapore and Qatar in the Construction Sector)

Zulkhairy Affandy Mohd Zaki^a, Norngainy Mohd Tawil^b, Hairuddin Mohammad^c & Masfaliza Mohsen^b

^a*Kolej Pengajian Alam Bina, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Malaysia*

^b*Jabatan Senibina dan Alam (JSAB),
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

^c*Jabatan Kejuruteraan Awam,
Pusat Pengajian Diploma, Universiti Teknologi Hussein Onn Malaysia, Malaysia*

*Corresponding author: p132380@siswa.ukm.edu.my

Received 6 August 2024, Received in revised form 2 January 2025

Accepted 4 February 2025, Available online 30 May 2025

ABSTRACT

Temporary accommodations for construction workers are often plagued by issues such as overcrowded living conditions, inadequate sanitation, and neglected safety standards, compounded by a lack of basic amenities that significantly heighten the physical and mental stress experienced by workers. Addressing these issues is crucial for improving workers' welfare and enhancing the efficiency of the construction sector. This study focuses on analysing and comparing the guidelines and practices of centralized labour quarters (CLQ) in Malaysia, Singapore, and Qatar. Adopting a qualitative research approach, it uses document analysis as the primary instrument to examine official documents such as guidelines, regulations, and reports published by ministries and government agencies in each country. The findings highlight that Malaysia faces notable challenges in enforcing existing regulations and providing additional amenities to meet workers' welfare needs adequately. In contrast, Singapore stands out as a model of best practices, with high standards of welfare supported by the integration of advanced technologies in managing labour accommodations. Qatar, despite a history of international criticism, has demonstrated significant improvements through labour reforms; however, reports of worker exploitation persist, indicating the need for further enhancements. This study underscores the importance of Malaysia adopting lessons from Singapore's welfare standards and Qatar's recent reforms. Recommendations include strengthening the enforcement of CLQ regulations, enhancing living conditions by incorporating more amenities, leveraging technology to improve management efficiency, and learning from international best practices. By doing so, Malaysia can elevate its CLQ standards, ultimately benefiting workers' welfare and boosting the overall productivity of the construction industry.

Keywords: Centralized labour quarters; construction industry; construction workers; project management

ABSTRAK

Penginapan sementara untuk pekerja binaan sering menghadapi masalah seperti keadaan hidup yang sesak, sanitasi yang tidak mencukupi, dan standard keselamatan yang diabaikan, yang diperburukkan lagi oleh kekurangan kemudahan asas. Masalah ini meningkatkan tekanan fizikal dan mental pekerja secara ketara. Menangani isu-isu ini adalah penting untuk menawarkan kebajikan pekerja dan meningkatkan kecekapan sektor pembinaan. Kajian ini memberi tumpuan kepada analisis dan perbandingan garis panduan dan amalan kuarters buruh berpusat atau 'centralised labour quarters' (CLQ) di Malaysia, Singapura, dan Qatar. Dengan menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif, kajian

ini menjadikan analisis dokumen sebagai instrumen utama untuk meneliti dokumen rasmi seperti garis panduan, peraturan, dan laporan yang diterbitkan oleh kementerian dan agensi kerajaan di setiap negara. Hasil kajian menunjukkan bahawa Malaysia menghadapi cabaran besar dalam penguatkuasaan peraturan sedia ada dan menyediakan kemudahan tambahan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan kebajikan pekerja. Sebaliknya, Singapura menonjol sebagai contoh amalan terbaik dengan standard kebajikan yang tinggi dan integrasi teknologi canggih dalam pengurusan penginapan pekerja. Qatar, walaupun mempunyai sejarah kritikan antarabangsa, telah menunjukkan peningkatan ketara melalui reformasi buruh, namun laporan mengenai eksploitasi pekerja masih wujud, menandakan perlunya penambahbaikan lanjut. Kajian ini menekankan kepentingan Malaysia mengadaptasi amalan terbaik daripada standard kebajikan Singapura dan reformasi Qatar. Cadangan termasuk memperkukuhkan penguatkuasaan peraturan CLQ, meningkatkan keadaan hidup melalui penyediaan lebih banyak kemudahan, memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan kecekapan pengurusan, dan mengambil inspirasi daripada amalan terbaik antarabangsa. Dengan berbuat demikian, Malaysia dapat meningkatkan standard CLQ, memberi manfaat kepada kebajikan pekerja dan meningkatkan produktiviti sektor pembinaan secara keseluruhan.

Kata kunci: Kuarters buruh berpusat; centralized labour quarters; industri pembinaan; buruh binaan; pengurusan projek

Pengenalan

Penginapan pekerja telah menjadi isu utama dalam industri pembinaan sepanjang tahun. Banyak sektor telah menunjukkan pelbagai masalah yang mempengaruhi penginapan sementara pekerja, termasuk penginapan yang buruk, infrastruktur yang tidak mencukupi, dan kekurangan kemudahan lain yang menjejaskan persekitaran sekeliling (Zubir & Abdul Rahim 2021). Keadaan yang buruk ini membawa kepada pelbagai masalah kesihatan seperti denggi, serta isu sosial dan kewangan. Penginapan yang disediakan untuk pekerja pembinaan adalah tidak mencukupi dan tidak sesuai dengan keperluan mereka. Menurut Abdul-Aziz (2001), kontraktor utama biasanya menyediakan penginapan di tapak untuk kemudahan pekerja yang tinggal jauh dan tidak boleh berulang-alik setiap hari. Biasanya, kontraktor utama akan menyediakan bahan untuk pekerja membina penginapan sementara mereka sendiri. Akibat kekurangan kemudahan hidup yang mencukupi, pekerja pembinaan sering memilih untuk tidur di bangunan yang masih dalam pembinaan. Abdul-Aziz (2001) menyatakan bahawa penginapan sementara yang dibina menggunakan bahan dan kaedah pembinaan yang murah kerana kontraktor tidak dibayar untuk menyediakan penempatan sementara ini. Keadaan ini membawa kepada pelbagai masalah terutamanya dari segi keadaan hidup pekerja pembinaan.

Kajian oleh Kumar (2013) menekankan bahawa keadaan hidup pekerja adalah sama buruknya dengan keadaan bekerja mereka. Pekerja pembinaan seolah-olah terpaksa tinggal di kawasan setinggan di mana kemudahan yang mencukupi tidak disediakan. Persekitarannya sangat tidak bersih dengan tiada sistem sanitasi yang mencukupi, tandas, air minum, elektrik, dan hiburan. Menurut Yee et al. (2017), hanya terdapat tiga tandas yang disediakan dalam sebuah tempat perlindungan kayu yang dipenuhi

dengan sekurang-kurangnya empat ratus orang asing termasuk wanita dan kanak-kanak. Berkaitan dengan kebimbangan kesihatan dan keselamatan pekerja, Wan (2019) melaporkan bahawa 'rumah kongsi' kekurangan kemudahan asas seperti sistem pembetungan, tempat mandi, dan tempat mencuci yang digunakan di tempat yang sama, serta makanan dimasak di kongsi itu sendiri yang boleh menyebabkan kebakaran kerana struktur dan komponen yang dibuat daripada bahan mudah terbakar.

Persekitaran hidup yang baik meningkatkan pembangunan manusia serta produktiviti dalam kehidupan dan pekerjaan. Ng et al. (2007) menyatakan bahawa manusia adalah entiti fizikal dan persekitaran hidup adalah ruang di mana kehidupan diartikulasikan. Keles (2011) menegaskan bahawa faktor paling kritikal dari sudut pandangan alam sekitar yang menyumbang kepada peningkatan atau kemerosotan kualiti hidup adalah akses kepada infrastruktur dan perkhidmatan alam sekitar. Ini termasuk sistem air dan sanitasi, pengurusan sisa pepejal, perparitan, dan pengangkutan.

Untuk mengatasi masalah penginapan buruh ini, Kuarters Buruh Berpusat (Centralized Labour Quarters, CLQ) merupakan satu inisiatif penting dalam pengurusan buruh, khususnya dalam industri pembinaan dan sektor-sektor lain yang bergantung kepada tenaga kerja yang besar. CLQ dirancang untuk menyediakan tempat tinggal yang selamat, selesa, dan berfungsi bagi pekerja, sambil memastikan pematuhan kepada standard kesihatan, keselamatan, dan kesejahteraan. Di Malaysia, keperluan CLQ ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Tenaga Kerja, yang menetapkan standard untuk ruang tempat tinggal, kemudahan asas, dan keselamatan pekerja (CIDB 2018).

Namun demikian, pelaksanaan dan pengurusan CLQ berbeza di pelbagai negara bergantung kepada peraturan tempatan, budaya kerja, dan tahap pembangunan. Sebagai contoh, Singapura mempunyai standard yang ketat dan

pengawasan yang kerap oleh Kementerian Tenaga Kerja (MOM) untuk memastikan kesejahteraan pekerja asing (MOM, 2020). Qatar pula, yang menghadapi tekanan global untuk memperbaiki keadaan pekerja asing, telah memperkenalkan reformasi yang signifikan melalui Jawatankuasa Tertinggi bagi Kesejahteraan Pekerja (Amnesty International 2020).

Beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa keadaan tempat tinggal yang baik dapat meningkatkan produktiviti pekerja dan mengurangkan masalah kesihatan serta konflik buruh (ILO 2017; Yoon et al. 2018). Misalnya, kajian oleh Tam dan Zeng (2019) mendapati bahawa persekitaran tempat tinggal yang kondusif bagi pekerja pembinaan bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan

fizikal tetapi juga kepuasan kerja secara keseluruhan. Sementara itu, kajian di India oleh Kumar (2020) menekankan kepentingan kemudahan asas seperti sanitasi dan akses kepada perkhidmatan kesihatan dalam meningkatkan kesejahteraan pekerja migran.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara praktikal pelaksanaan dan keberkesanan CLQ di Malaysia serta membandingkannya dengan amalan di negara lain seperti Singapura, Qatar, dan Amerika Syarikat. Dengan memahami perbezaan ini, kajian ini dapat mengenal pasti amalan terbaik dan cadangan untuk memperbaiki keadaan tempat tinggal pekerja di Malaysia. Rujukan akademik dan laporan daripada pelbagai badan antarabangsa digunakan untuk memberikan perspektif yang komprehensif tentang topik ini.



RAJAH 1. Cadangan Penginapan Pekerja Berpusat Di Kawasan Baharu
(Sumber: Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (Centralised Labour Quarters – CLQ))

PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT (CLQ) DI MALAYSIA

Penginapan pekerja berpusat, atau disingkatkan sebagai CLQ, adalah salah satu kaedah terbaik untuk menempatkan pekerja di kawasan atau bangunan khusus (kekal/separa kekal) dengan penyediaan pelbagai kemudahan asas dan sokongan untuk kesejahteraan pekerja. Pembangunan CLQ ini perlu dirancang secara sistematik untuk memastikan penyediaannya memenuhi keperluan pembeli dan selari dengan keadaan persekitaran (Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan 2023).

Menurut Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (2023), kuarters pekerja berpusat (CLQ) ditakrifkan sebagai kemudahan di mana pekerja boleh

tinggal secara berpusat atau berkumpul (sama ada pekerja asing atau tempatan) di kawasan atau bangunan khas tertentu (kekal/separa kekal) yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas dan sokongan yang lebih tersusun dan dirancang untuk kesejahteraan penghuni dalam persekitaran yang kondusif (National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Malaysia 2019).

Pembangunan CLQ yang dicadangkan boleh dibangunkan oleh pemaju swasta/majikan/pemaju penginapan pekerja terpusat yang telah memperoleh lesen pembangunan untuk menempatkan pekerja tempatan dan asing dari semua sektor pekerjaan (Razak & Latiff 2021). Cadangan CLQ adalah bersifat pembangunan terpusat yang dirancang, teratur, selamat dan kondusif sebagai tempat tinggal (Suffian & Zaini 2020).

Untuk memastikan aspek penyelenggaraan dan pengurusan dilaksanakan secara langsung dan sistematik, pembangunan CLQ boleh diuruskan melalui dua kaedah utama iaitu diuruskan sendiri oleh majikan/pengendali penginapan terpusat ataupun melalui Penyedia Perkhidmatan yang dilantik (Lim & Wong 2018).

Berkaitan dengan aspek mengenakan kos sewa, majikan atau pengendali penginapan pekerja boleh mengenakan kos yang munasabah kepada pekerja dan tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa (Zulkifli & Noor 2019).

CIRI-CIRI DAN KONSEP KUARTERS BURUH BERPUSAT (CLQ)

REKA BENTUK ERGONOMIK

Rekabentuk untuk CLQ mengutamakan konsep ergonomik. Ruang direka dengan mempertimbangkan keperluan ergonomik pekerja. Ini termasuk ruang tidur yang selesa, bilik mandi yang bersih, dan kawasan rehat yang sesuai (Ling & Sha, 2010).

KEMUDAHAN ASAS

Selain mengenengahkan rekabentuk, CLQ dilengkapi dengan kemudahan utiliti asas. Setiap dormitori biasanya dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bilik tidur, tandas, bilik mandi, dapur bersama, dan kawasan makan. Selain itu, kemudahan seperti penyaman udara, pemanas air, dan penyimpanan peribadi turut disediakan (Abdul-Rahman, Wang, & Wood, 2012).

KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN

Secara asasnya, tahap keselamatan di tempat kerja adalah objektif utama pemegang taruh dalam industri pembinaan agar buruh tidak terdedah kepada sebarang bahaya atau risiko bagi melaksanakan semua operasi berkaitan sambil memelihara kebajikan pekerja, terutamanya dari segi kesihatan mereka (Khairilmizal Samsudin et al. 2023). Aspek keselamatan di kuarters buruh berpusat dijamin melalui sistem keselamatan seperti kawalan akses keluar-masuk, kamera litar (CCTV), dan system pemadam api. Dormitori juga diselenggara dengan baik dari semasa ke semasa untuk memastikan tahap kebersihan yang tinggi. Kawasan CLQ kerap dibersihkan dan disanitasi untuk mengelakkan penularan penyakit berjangkit (Mohd Zaki et al, 2023).

KEMUDAHAN SOSIAL

Dormitori buatan khusus sering dilengkapi dengan kemudahan tambahan seperti tempat beribadat, pusat rekreasi, gimnasium, perpustakaan, bilik komputer, dan kemudahan sukan. Beberapa dormitori juga menyediakan kemudahan kesihatan seperti klinik dan perkhidmatan kaunseling (Mohd Zaki et al, 2023).

REKA BENTUK HIJAU DAN MAMPAN

Konsep pembangunan mampan berkembang pesat untuk merangkumi hubungan berterusan antara sistem sosial, ekonomi, dan semula jadi (Guomin Wei et al. 2023). Dalam usaha untuk mempromosikan kelestarian, banyak dormitori buatan khusus dibina menggunakan reka bentuk hijau yang mengutamakan penggunaan tenaga yang efisien dan bahan binaan lestari. Contohnya, penggunaan panel solar, sistem pengumpulan air hujan, dan penebat yang baik untuk mengurangkan penggunaan tenaga (Qatar National Vision 2030, 2020). Bahan binaan tradisional yang digunakan untuk rumah kongsi adalah kayu dan material yang biasa digunakan untuk kabin kuarters buruh berpusat adalah besi yang lebih bersifat mampan dan mesra alam. Oleh itu, penggunaan bahan binaan hijau dalam industri pembinaan secara umumnya dapat menyelesaikan masalah ekologi dan alam sekitar industri serta mempromosikan pembangunan hijau dan rendah karbon (Noorsaidi Mahat et al. 2022).

KELEBIHAN KUARTERS BURUH BERPUSAT (CLQ)

PENINGKATAN KEBAJIKAN PEKERJA

Dengan menyediakan tempat tinggal yang selesa dan selamat, dormitori buatan khusus meningkatkan kebajikan pekerja. Pekerja yang tinggal dalam persekitaran yang baik lebih cenderung untuk mempunyai moral yang tinggi dan produktiviti yang lebih baik (Mohd Fateh et al. 2020).

PENGURANGAN MASALAH SOSIAL

Dormitori ini membantu mengurangkan masalah sosial yang berkaitan dengan pekerja asing yang tinggal di kawasan perumahan yang tidak sesuai. Ini termasuk isu kesihatan awam, kebersihan, dan keselamatan (Human Rights Watch 2020).

PEMATUHAN KEPADA PERATURAN

Dengan membina dormitori buatan khusus, majikan dapat memastikan pematuhan kepada peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa mengenai kebajikan dan keselamatan pekerja (OSHA 2021).

PENGURANGAN KOS

Cabaran utama untuk mengekalkan apa-apa jenis infrastruktur yang perlu dirancang, dibina, dioperasikan, dan disenggara biasanya muncul dalam bentuk pembiayaan yang mencukupi (Sukhadeva S. Sukumar et al. 2023).

Walaupun bagaimanapun, kos awal untuk pembinaan kuarters buruh berpusat tinggi, dormitori buatan khusus boleh mengurangkan kos jangka panjang melalui penyelenggaraan yang lebih efisien dan pengurangan masalah kesihatan di kalangan pekerja (Ling & Sha 2010).

GARIS PANDUAN KUARTERS BURUH BERPUSAT (CLQ) DI MALAYSIA, SINGAPURA DAN QATAR

Agensi dan pihak kerajaan mengelola kuarters buruh berpusat mengeluarkan garis panduan untuk penyediaan kuarters buruh berpusat di negara masing-masing. Di Malaysia, pihak yang berperanan mengeluarkan garis panduan untuk penginapan pekerja berpusat (Centralised Labour Quarters - CLQ) adalah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia. CIDB bertanggungjawab dalam menyediakan garis panduan serta memastikan pelaksanaan standard yang tinggi dalam penginapan pekerja, manakala Jabatan Tenaga Kerja mengawasi pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan. Jadual 1 adalah penerangan untuk aspek yang dititikberatkan dalam praktis CLQ di Malaysia.

JADUAL 1. Garis Panduan 'Centralized Labor Quarters' / Kuarters Buruh Berpusat Malaysia

Aspek	Perincian
Keperluan Pemilihan Tapak	Tapak mesti berada dalam zon yang dibenarkan dengan akses yang baik ke projek mega yang komited atau diluluskan. Tidak dibenarkan dalam kawasan kediaman atau berdekatan dengan kawasan kediaman (penampakan minimum 5000 meter).
Janis Kemudahan	Bekalan air dan elektrik. Sistem pembuangan sisa pepejal yang teratur. Sistem pembentungan. Kemudahan rekreasi seperti gelangang futsal, badminton, bola tampar, bilik rekreasi, gimnasium, karom, dart, dan ping pong.
Reka Bentuk Bangunan	Bangunan mesti memenuhi standard keselamatan struktur dan bahan pembinaan yang kekal untuk tempat tinggal tetap. Ketinggian lantai ke siling sekurang-kurangnya 2.5 meter untuk ruang tamu dan bilik.
Kawalan Perancangan	Kebenaran merancang diperlukan untuk pembangunan CLQ di kawasan baharu. Zon guna tanah perindustrian, perniagaan, perumahan, dan pertanian dibenarkan untuk pembangunan CLQ.
Kawalan Dalam	Kapasiti pekerja tertakluk kepada keluasan unit/ruang bangunan (3.0 meter persegi bagi dormitori dan 3.6 meter persegi bagi bedsitter). Mematuhi prosedur dan arahan KKM bagi kesihatan dan wabak penyakit.
Operasi dan Pengurusan	Penginapan dalam bentuk dormitori atau bedsitter. Menyediakan pengangkutan khas untuk pekerja. Menyediakan 'house rules' bagi mengawal waktu pergerakan keluar-masuk pekerja.
Alternatif Pembangunan	Alternatif 1: Pembangunan CLQ di kawasan baharu. Alternatif 2: Pembangunan CLQ di kawasan brownfield.
Kemudahan Asas dan Rekreasi	Surau/tempat ibadat. Ruang dapur memasak. Ruang makan. Ruang membasuh dan menyidai. Bilik sakit/kuarantin. Pejabat pengurusan. Dewan serbaguna/ruang berkumpul. Kedai runcit/dobi/gunting rambut. Klinik. Kemudahan penghantaran wang/ATM.

continue ...

... cont.

Keselamatan dan Kawalan	Pondok kawalan keselamatan. Parameter berpagar. Rondaan dalaman oleh pengawal keselamatan. Blok asrama penginapan lelaki dan wanita perlu diasingkan. Alat penggera keselamatan dan lampu kecemasan. CCTV.
-------------------------	---

Badan yang bertanggungjawab untuk penyediaan garis panduan dan pemantauan penginapan pekerja berpusat (Centralised Labour Quarters - CLQ) di Singapura adalah Kementerian Tenaga Kerja (Ministry of Manpower, MOM). MOM bertanggungjawab dalam menetapkan

standard dan peraturan untuk penginapan pekerja serta memastikan pematuhan terhadap peraturan-peraturan ini melalui pemeriksaan dan penguatkuasaan yang tegas. Agensi lain yang terlibat ialah Building and Construction Authority.

JADUAL 2. Garis Panduan 'Purpose Built Dormitory' Singapura

Aspek	Keterangan
Pengurusan Dormitori	Pengendali mesti mematuhi semua undang-undang, peraturan, dan kod amalan yang berkaitan. Rekod simpanan yang komprehensif mengenai penghuni dan memastikan keselamatan serta kebajikan pekerja melalui pelbagai langkah pengurusan.
Dokumen dan Laporan	Pengendali mesti menyimpan rekod terkini mengenai pekerja, penghuni, pelawat, dan dokumen seperti pelan bangunan serta kelulusan pihak berkuasa. Laporan pengurusan mesti diserahkan kepada Pesuruhjaya seperti yang ditetapkan.
Pengurusan Insiden dan Pertikaian	Pengendali mesti menguruskan insiden dengan segera dan melaporkan kepada pihak berkuasa dalam masa tiga jam. Mereka juga mesti menyediakan saluran maklum balas dan menyelesaikan pertikaian antara penghuni dengan cekap.
Had Penghunian dan Ruang Hidup	Setiap penghuni mesti diberikan sekurang-kurangnya 4.5 meter persegi ruang hidup. Dormitori mesti mematuhi had penghuni yang ditetapkan dan menyediakan ruang yang mencukupi untuk keselesaan dan keselamatan penghuni.
Penyelenggaraan dan Penjagaan Am	Pengendali mesti memastikan dormitori sentiasa bersih, tersusun, dan bebas dari vektor serta perosak. Penyelenggaraan bangunan termasuk bumbung, saluran air, dan struktur lain mesti dijaga dengan baik.
Penyediaan Utiliti	Dormitori mesti menyediakan bekalan air dan elektrik yang mencukupi serta memastikan tiada gangguan dalam bekalan utiliti. Pengendali mesti mematuhi arahan dari Lembaga Utiliti Awam (PUB) mengenai sistem sanitasi dan pembetungan.
Unit Tempat Tinggal	Penghuni mesti diberikan katil yang kukuh dan kabinet berkunci untuk menyimpan barang peribadi. Kemudahan sanitasi mesti disediakan mengikut nisbah satu set per 15 penghuni.
Kemudahan Memasak	Dormitori mesti menyediakan kemudahan memasak yang mencukupi sama ada dalam unit tempat tinggal atau di luar. Pengendali juga boleh menyediakan rumah masak atau kantin di tapak serta makanan katering.
Kemudahan Dobi	Pengendali mesti menyediakan kemudahan dobi atau perkhidmatan dobi untuk penghuni serta memastikan kawasan penyidai pakaian adalah mencukupi dan terlindung.
Kebajikan Penghuni	Pengendali mesti memberikan taklimat peraturan dormitori kepada penghuni dan menyokong usaha pendidikan serta jangkauan agensi kerajaan. Aktiviti yang mengganggu ketenteraman tidak dibenarkan antara jam 10.30 malam dan 7 pagi.
Pengurusan Trafik	Titik naik dan turun penumpang mesti berada dalam kawasan dormitori untuk mengelakkan halangan trafik.
Kemudahan Rekreasi dan Komersial	Pengendali mesti menyediakan zon Wi-Fi percuma di kawasan umum dan sosial dalam dormitori dengan kelajuan akses yang mencukupi untuk setiap pengguna.

continue ...

... cont.

Keselamatan Awam dan Kesihatan	Pengendali mesti menyediakan kemudahan pengasingan untuk penghuni yang sakit atau disyaki menghidap penyakit berjangkit dan memastikan semua langkah pencegahan dan kawalan jangkitan dipatuhi.
Keselamatan Kebakaran	Pelan tindak balas kecemasan dan latihan kebakaran mesti diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun.
Keperluan Keselamatan	Pengendali mesti melaksanakan langkah keselamatan yang diperlukan oleh pihak berkuasa dan memastikan pengurusan keselamatan dormitori.
Peraturan Rumah	Pengendali mesti menyediakan peraturan rumah yang menumpukan pada keselamatan, keselamatan, dan kesejahteraan penghuni.

Di Qatar, badan yang bertanggungjawab untuk penyediaan garis panduan dan pemantauan penginapan pekerja berpusat (Labour Camp) adalah Kementerian Perbandaran dan Alam Sekitar bersama-sama Kementerian Pembangunan Pentadbiran, Buruh dan Hal Ehwal Sosial (Ministry of Administrative Development, Labour and Social Affairs, ADLSA) bersama agensi kerajaan yang lain.

Kementerian Perbandaran dan Alam Sekitar bertanggungjawab dalam menetapkan standard penginapan pekerja, memastikan pematuhan terhadap peraturan-peraturan tersebut, serta melakukan pemeriksaan dan penguatkuasaan yang diperlukan untuk menjaga kebajikan pekerja.

JADUAL 3. Garis Panduan 'Labor Camp' Qatar

Aspek	Perincian
Pemilihan Tapak	Tapak mesti berada dalam zon yang dibenarkan dengan akses yang baik ke projek mega yang komited atau diluluskan. Tidak dibenarkan dalam kawasan kediaman atau berdekatan dengan kawasan kediaman (penampungan minimum 5000 meter).
Kemudahan dan Reka Bentuk	Kemudahan termasuk ruang individu dan komunal, keselamatan, kemudahan sanitasi dan dobi, kemudahan katering dan air minum, kemudahan rekreasi, kemudahan kesihatan, dan akses kepada barangan harian. Pembangunan tapak mesti memenuhi standard untuk menyediakan kehidupan yang selesa dan selamat bagi pekerja.
Reka Bentuk Bangunan	Bangunan mesti memenuhi standard keselamatan struktur dan bahan pembinaan yang kekal untuk tempat tinggal tetap. Untuk tempat tinggal sementara, bangunan mesti memenuhi standard minimum termasuk kekukuhan struktur dan perlindungan dari kebakaran.
Kemudahan Sosial dan Rekreasi	Kemudahan rekreasi dalam dan luar mesti disediakan untuk memastikan kesejahteraan fizikal dan mental pekerja. Penyediaan internet, telefon, dan kedai keperluan harian adalah wajib.
Keselamatan dan Kesihatan	Kemudahan mesti dilengkapi dengan kemudahan keselamatan seperti alat pemadam kebakaran, pintu keluar kecemasan, dan perancangan evakuasi kecemasan. Perkhidmatan perubatan dan kemudahan pertolongan cemas mesti disediakan di setiap kemudahan tempat tinggal.
Pengurusan Tapak dan Keselamatan	Pejabat pengurusan tapak dan kemudahan penyelenggaraan mesti disediakan. Perkhidmatan keselamatan dan polis dalaman mesti disediakan sesuai dengan keperluan populasi di tapak tempat tinggal pekerja.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Dalam kajian ini, metodologi yang digunakan adalah analisis kandungan sebagai instrumen utama untuk menilai dan membandingkan garis panduan penginapan pekerja berpusat di Malaysia, Singapura, dan Qatar. Analisis dokumen merupakan kaedah penyelidikan kualitatif yang melibatkan pengumpulan, pemilihan, dan penilaian dokumen-dokumen rasmi yang relevan. Proses ini membantu penyelidik untuk memahami kandungan, konteks, dan implikasi garis panduan tersebut.

Dokumen yang dikumpulkan termasuk garis panduan, peraturan, dan laporan rasmi yang diterbitkan oleh kementerian dan agensi kerajaan di setiap negara. Proses analisis melibatkan pembacaan mendalam, pengkodan, dan pengkategorian maklumat berdasarkan tema atau aspek yang berkaitan seperti latar belakang, keperluan pemilihan tapak, jenis kemudahan, reka bentuk bangunan, kawalan perancangan, kawalan dalaman, operasi dan pengurusan, alternatif pembangunan, kemudahan asas dan rekreasi, serta keselamatan dan kawalan.

Analisis dokumen sebagai kaedah penyelidikan kualitatif menawarkan beberapa kelebihan seperti kecekapan masa, keberkesanan kos, dan kemudahan akses kepada data yang sedia ada. Ia juga membolehkan penyelidik untuk melakukan kajian retrospektif dan longitudinal tanpa memerlukan pengumpulan data lapangan yang intensif. Namun, ia juga mempunyai keterbatasan seperti kekurangan interaksi langsung dengan subjek kajian dan kemungkinan data yang terbatas atau tidak lengkap dalam dokumen yang tersedia (Bowen, 2009; Morgan, 2024).

Melalui pendekatan ini, kajian ini dapat mengenal pasti amalan terbaik dan cabaran dalam pengurusan penginapan pekerja berpusat, serta memberikan cadangan untuk penambahbaikan di Malaysia berdasarkan amalan yang berkesan di negara lain. Analisis dokumen ini disokong oleh kajian terdahulu yang menunjukkan kepentingan dokumen sebagai sumber data dalam penyelidikan kualitatif, terutamanya dalam konteks polisi dan peraturan (Bowen 2009).

HASIL DAN PERBINCANGAN

ANALISIS DOKUMEN

Merujuk kepada Jadual 1, CLQ di Malaysia lebih berfokus kepada memenuhi keperluan asas pekerja. Struktur dan reka bentuk CLQ di Malaysia biasanya direka untuk menyediakan kemudahan asas seperti bilik tidur, bilik mandi, dan dapur bersama. Namun, kebersihan dan keselamatan sering menjadi isu utama. Garis Panduan Penyediaan Kuarters Pekerja yang diperkenalkan oleh kerajaan bertujuan untuk memastikan kebajikan pekerja, tetapi penguatkuasaan sering kali lemah, menyebabkan ketidakpatuhan dan penyediaan kemudahan tambahan yang tidak mencukupi. Masalah kesesakan dan kebersihan adalah masalah yang kerap dilaporkan, menunjukkan keperluan mendesak untuk peningkatan dalam pengurusan dan penguatkuasaan peraturan.

Singapura dikenali dengan amalan terbaik dalam pengurusan CLQ seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Kuarters di Singapura direka dengan standard yang tinggi, termasuk ruang peribadi yang lebih besar dan kemudahan tambahan seperti pusat komuniti dan sukan. Peraturan mengenai kebajikan dan keselamatan pekerja adalah ketat dan jelas,

dengan penguatkuasaan tegas melalui pemeriksaan berkala. Singapura juga menyediakan pelbagai kemudahan tambahan seperti perkhidmatan kesihatan, kaunseling, dan program rekreasi, memastikan kualiti hidup pekerja adalah lebih baik berbanding negara lain dalam kajian ini. Penggunaan teknologi pintar dalam pengurusan CLQ adalah perkara biasa, yang membantu dalam meningkatkan kecekapan dan keselamatan.

Qatar telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam pengurusan CLQ setelah menerima kritikan antarabangsa, seperti yang dilihat dalam Jadual 4. Kuarters di Qatar direka untuk menampung jumlah pekerja yang besar, terutama disebabkan oleh projek pembinaan besar-besaran seperti Piala Dunia FIFA. Walaupun beberapa kuarters dilengkapi dengan kemudahan moden, terdapat juga kes-kes yang melaporkan keadaan yang sesak dan tidak bersih. Kerajaan Qatar telah memperkenalkan peraturan ketat mengenai kebajikan pekerja, dengan inisiatif seperti Qatar National Vision 2030 yang menekankan peningkatan dalam keadaan hidup pekerja. Walaupun begitu, masih terdapat laporan mengenai eksploitasi dan keadaan kerja yang keras, menunjukkan keperluan untuk penguatkuasaan yang lebih baik dan pemantauan berterusan.

Seerti yang ditunjukkan dalam Jadual 4, Singapura menunjukkan amalan terbaik dalam pengurusan CLQ. Singapura mempunyai standard yang tinggi, penggunaan teknologi pintar, dan pelbagai kemudahan tambahan untuk kebajikan pekerja. Malaysia menghadapi cabaran dalam penguatkuasaan peraturan dan penyediaan kemudahan tambahan. Walaupun garis panduan telah diperkenalkan, penguatkuasaan yang lemah menyebabkan ketidakpatuhan dan keadaan hidup yang kurang memuaskan untuk pekerja. Qatar pula masih perlu menangani isu eksploitasi pekerja walaupun terdapat peningkatan dalam keadaan hidup mereka. Walaupun usaha telah dilakukan untuk meningkatkan kebajikan pekerja, masih terdapat laporan mengenai keadaan kerja yang keras dan penyediaan kemudahan yang tidak mencukupi.

Kajian ini menunjukkan bahawa setiap negara mempunyai pendekatan yang berbeza dalam menguruskan CLQ, bergantung kepada peraturan, keperluan, dan tahap pembangunan ekonomi mereka. Singapura menunjukkan amalan terbaik dalam hal ini, dengan standard yang tinggi dan penggunaan teknologi canggih. Qatar telah menunjukkan peningkatan yang signifikan, sementara Malaysia perlu memperbaiki penguatkuasaan peraturan dan meningkatkan kualiti kebajikan pekerja dalam CLQ.

JADUAL 4. Komparatif Kuarters Buruh Berpusat di Malaysia dan Di Singapura, serta Qatar.

Aspek	Malaysia	Singapura	Qatar
Keperluan Pemilihan Tapak	Tapak mesti berada dalam zon yang dibenarkan, tidak dibenarkan dalam kawasan kediaman atau berdekatan dengan kawasan kediaman (penampakan minimum 5000 meter).	Mematuhi zon yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.	Tapak mesti berada dalam zon yang dibenarkan dengan akses yang baik ke projek mega yang komited atau diluluskan.
Jenis Kemudahan	Bekalan air dan elektrik, sistem pembuangan sisa pepejal, sistem pembentungan, kemudahan rekreasi seperti gelanggang futsal, badminton, bola tampar, bilik rekreasi, gimnasium, karom, dart, dan ping pong.	Kemudahan asas yang lengkap termasuk kawasan rekreasi dan kemudahan sukan.	Ruang individu dan komunal, keselamatan, kemudahan sanitasi dan dobi, kemudahan katering dan air minum, kemudahan rekreasi, kemudahan kesihatan, dan akses kepada barangan harian.
Reka Bentuk Bangunan	Bangunan mesti memenuhi standard keselamatan struktur dan bahan pembinaan yang kekal untuk tempat tinggal tetap, ketinggian lantai ke siling sekurang-kurangnya 2.5 meter untuk ruang tamu dan bilik.	Bangunan direka dengan standard tinggi, ruang peribadi yang lebih besar, dan kemudahan tambahan.	Memenuhi standard keselamatan struktur dan bahan pembinaan yang kekal, untuk tempat tinggal tetap dan sementara.
Kawalan Perancangan	Kebenaran merancang diperlukan untuk pembangunan CLQ di kawasan baharu, zon guna tanah perindustrian, perniagaan, perumahan, dan pertanian dibenarkan untuk pembangunan CLQ.	Peraturan ketat dan jelas dengan penguatkuasaan tegas melalui pemeriksaan berkala.	Kelulusan perancangan diperlukan, zon guna tanah termasuk kawasan brownfield dan komited untuk pembangunan CLQ.
Kawalan Dalaman	Kapasiti pekerja tertakluk kepada keluasan unit/ruang bangunan (3.0 meter persegi bagi dormitori dan 3.6 meter persegi bagi bedsitter), mematuhi prosedur dan arahan KKM bagi kesihatan dan wabak penyakit.	Standard kebersihan dan keselamatan yang ketat, kemudahan tambahan seperti perkhidmatan kesihatan, kaunseling, dan program rekreasi.	Kapasiti pekerja tertakluk kepada keluasan unit/ruang bangunan dan peraturan bawah Akta 446.
Alternatif Pembangunan	Alternatif 1: Pembangunan CLQ di kawasan baharu, Alternatif 2: Pembangunan CLQ di kawasan brownfield.	Pembangunan CLQ di tapak yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.	
Kemudahan Asas dan Rekreasi	Surau/tempat ibadat, ruang dapur memasak, ruang makan, ruang membasuh dan menyidai, bilik sakit/kuarantin, pejabat pengurusan, dewan serbaguna/ruang berkumpul, kedai runcit/dobi/gunting rambut, klinik, kemudahan penghantaran wang/ATM.	Pelbagai kemudahan tambahan seperti pusat komuniti, kemudahan kesihatan, dan perkhidmatan kaunseling.	Gelanggang futsal/badminton/ bola tampar, bilik rekreasi, bilik sakit/kuarantin, kedai runcit/dobi/gunting rambut.
Keselamatan dan Kawalan	Pondok kawalan keselamatan, parameter berpagar, rondaan dalaman oleh pengawal keselamatan, blok asrama penginapan lelaki dan wanita perlu diasingkan, alat penggera keselamatan dan lampu kecemasan, CCTV.	Sistem keselamatan yang canggih termasuk kamera CCTV, kawalan akses, dan perkhidmatan keselamatan.	Sistem keselamatan dan kesihatan yang lengkap termasuk alat pemadam kebakaran, pintu keluar kecemasan, perkhidmatan perubatan dan kemudahan pertolongan cemas.

JADUAL 5. Analisis Pematuhan Garis Panduan International Labour Organization (ILO)

	Kriteria	Malaysia	Singapura	Qatar
1)	Lokasi	/	/	/
2)	Pengangkutan	/	/	/
3)	Sistem Pemanasan, Penghawa Dingin, Pengudaraan, dan Pencahayaan	/	/	/
4)	Akses kepada Air	/	/	/
5)	Sistem Pengurusan Sisa dan Pembetulan	/	/	/
6)	Kemudahan Bilik dan Dormitori	/	/	/
7)	Kemudahan Sanitasi dan Tandas	/	/	/
8)	Kantin, Dapur, dan Kemudahan Dobi	/	/	/
9)	Kemudahan Perubatan	/	/	/
10)	Keselamatan Kebakaran	/	/	/
11)	Kemudahan Sosial, Rekreasi, dan Telekomunikasi	/	/	/

*/ dinyatakan dalam garis panduan atau peraturan

Berdasarkan analisis di atas, jelas bahawa garis panduan di Malaysia, Singapura, dan Qatar memenuhi semua syarat yang dikeluarkan oleh ILO dalam aspek seperti lokasi, pengangkutan, sistem pemanasan dan pengudaraan, akses kepada air, pengurusan sisa dan pembetulan, kemudahan bilik dan dormitori, kemudahan sanitasi dan tandas, kantin dan dapur, kemudahan perubatan, keselamatan kebakaran, serta kemudahan sosial, rekreasi, dan telekomunikasi. Pematuhan yang tinggi ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga negara mengambil langkah serius dalam memastikan kebajikan dan keselamatan pekerja mereka.

Namun demikian, pematuhan terhadap garis panduan ini bukan sekadar soal memenuhi syarat asas, tetapi turut berkait dengan pelaksanaan berkesan dan pengawasan konsisten untuk memastikan kesejahteraan pekerja secara menyeluruh. Dalam konteks ini, perbincangan teori seperti *Maslow's Hierarchy of Needs* (Maslow, 1943) boleh digunakan untuk menjelaskan bagaimana penyediaan kemudahan asas seperti sanitasi, pengudaraan, dan keselamatan kebakaran memenuhi keperluan fisiologi dan keselamatan pekerja. Di samping itu, kemudahan sosial, rekreasi, dan telekomunikasi dapat dilihat sebagai cara untuk memenuhi keperluan tahap lebih tinggi dalam hierarki ini, termasuk kesejahteraan mental dan sosial pekerja.

Penggunaan *Theory of Planned Behaviour* (TPB) (Ajzen, 1991) juga dapat membantu memahami sejauh mana sikap, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku menyokong pematuhan terhadap garis panduan CLQ di Malaysia, Singapura, dan Qatar. Sebagai contoh, walaupun garis panduan Malaysia memenuhi standard asas ILO, kelemahan dalam penguatkuasaan menunjukkan adanya isu dalam kawalan tingkah laku dan pengaruh norma sosial terhadap pematuhan peraturan. Sebaliknya, di Singapura, standard kebajikan yang tinggi dan pengawasan ketat

mencerminkan peranan penting sikap dan norma dalam menjamin pelaksanaan garis panduan.

Walaupun Qatar telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam beberapa tahun terakhir, laporan berterusan mengenai eksploitasi pekerja menekankan pentingnya memperkuat kawalan tingkah laku dan norma untuk memastikan pematuhan lebih baik. Justeru, untuk memastikan standard ini terus dipatuhi dan ditingkatkan, langkah-langkah seperti pemeriksaan berkala, penalti lebih berat untuk ketidakpatuhan, serta penyediaan kemudahan tambahan seperti pusat komuniti dan perkhidmatan kaunseling sangat penting. Di samping itu, penggunaan teknologi pintar untuk pengurusan CLQ boleh meningkatkan kecekapan dan ketelusan.

Dengan mengaitkan dapatan kajian ini kepada kerangka teori seperti Maslow's Hierarchy of Needs dan Theory of Planned Behaviour, ia bukan sahaja memperkuat perbincangan, tetapi juga memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang bagaimana setiap negara dapat meningkatkan pelaksanaan garis panduan CLQ demi kebajikan pekerja.

CADANGAN UNTUK PENAMBAHBAIKAN CLQ DI MALAYSIA

Antara cadangan bagi penambahbaikan dari kajian komparatif adalah seperti berikut:

1. Kerajaan perlu memperkuat penguatkuasaan peraturan CLQ untuk memastikan pematuhan. Pemeriksaan berkala dan penalti yang lebih berat untuk ketidakpatuhan dapat membantu memastikan standard kebajikan pekerja dipatuhi.
2. Kemudahan tambahan seperti kemudahan rekreasi, kesihatan, dan pendidikan untuk

meningkatkan kualiti hidup pekerja. Ini termasuk pembangunan pusat komuniti dan sukan serta penyediaan perkhidmatan kesihatan dan kaunseling.

3. Menggalakkan penggunaan teknologi dalam pengurusan CLQ untuk meningkatkan kecekapan dan kebajikan pekerja. Ini termasuk penggunaan sistem pengurusan bangunan pintar dan aplikasi mudah alih untuk komunikasi dan pengurusan.
4. Amalan terbaik di Singapura boleh dipraktikkan untuk meningkatkan standard CLQ di Malaysia. Ini termasuk mengadaptasi standard reka bentuk yang tinggi, teknologi pintar, dan penyediaan pelbagai kemudahan tambahan untuk pekerja. Dengan mengimplementasikan cadangan-cadangan ini, diharapkan CLQ di Malaysia dapat ditingkatkan untuk manfaat semua pihak yang terlibat dalam sektor pembinaan

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan keperluan mendesak bagi Malaysia untuk memperbaiki pelaksanaan dan pengurusan penginapan pekerja berpusat (CLQ) dengan mengambil iktibar daripada amalan terbaik di Singapura dan reformasi buruh di Qatar. Singapura menawarkan model dengan standard kebajikan tinggi, penggunaan teknologi canggih, dan penguatkuasaan peraturan yang berkesan, yang boleh dijadikan panduan untuk memperkukuhkan garis panduan dan penguatkuasaan di Malaysia. Begitu juga, reformasi yang dijalankan di Qatar, walaupun masih menghadapi cabaran, menunjukkan kesungguhan negara tersebut dalam meningkatkan kebajikan pekerja melalui penyediaan kemudahan moden dan kawalan yang lebih ketat.

Untuk penggubal dasar Malaysia, penambahbaikan ini penting bukan sahaja untuk memenuhi piawaian kebajikan pekerja tetapi juga untuk meningkatkan daya saing industri pembinaan. Salah satu langkah yang boleh diambil ialah penguatkuasaan penyediaan CLQ bagi projek pembinaan berskala besar atau yang melebihi nilai kontrak tertentu, dengan menetapkan nisbah kemudahan yang diperlukan berdasarkan bilangan pekerja. Ini dapat memastikan standard kebajikan dipatuhi di semua peringkat industri, terutama dalam projek mega yang memerlukan jumlah tenaga kerja yang besar.

Implikasi untuk industri pembinaan adalah signifikan, kerana kebajikan pekerja yang lebih baik dapat meningkatkan produktiviti, mengurangkan konflik buruh, dan memastikan pematuan terhadap standard antarabangsa. Dengan memperkenalkan pendekatan teknologi dan

kemudahan tambahan seperti yang diamalkan di Singapura, serta menambah baik penguatkuasaan seperti yang dilakukan di Qatar, Malaysia boleh mengurangkan cabaran dalam pengurusan CLQ. Kajian ini mengesyorkan supaya Malaysia mengambil langkah proaktif dengan mengadaptasi pelajaran dari negara lain bagi mencapai pengurusan CLQ yang mampan dan inklusif.

Penyelidikan masa depan harus menumpukan pada kajian longitudinal untuk memerhati kesan jangka panjang garis panduan dan pelaksanaan CLQ terhadap kebajikan dan produktiviti pekerja, memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai keberkesanan peraturan dan amalan semasa. Melakukan kajian kes mendalam mengenai pelaksanaan CLQ dalam pelbagai wilayah di Malaysia, Singapura, dan Qatar dapat memberikan pandangan terperinci tentang cabaran dan kejayaan operasional, mengkaji isu-isu praktikal dan penyelesaian di peringkat mikro. Penyelidikan masa depan juga perlu menyelidik kesan inovasi teknologi terkini dalam pengurusan CLQ, seperti teknologi IoT, AI, dan sistem bangunan pintar, yang dapat memperbaiki keadaan hidup, keselamatan, dan kecekapan pengurusan CLQ. Menggabungkan perspektif pekerja melalui temubual kualitatif dan tinjauan dapat memberikan pandangan berharga tentang pengalaman dan kepuasan mereka dengan susunan CLQ semasa, membimbing penambahbaikan polisi dan pelaksanaan masa depan. Akhirnya, menganalisis kesan perubahan polisi dan peraturan tertentu terhadap kebajikan pekerja dalam CLQ dapat membantu memahami bagaimana reformasi terkini di negara seperti Qatar mempengaruhi keadaan hidup dan kesejahteraan pekerja. Dengan menangani bidang-bidang ini, penyelidikan masa depan dapat mencapai pemahaman yang lebih komprehensif dan terperinci mengenai pengurusan CLQ, membawa kepada polisi dan amalan yang lebih baik yang meningkatkan kebajikan dan produktiviti pekerja pembinaan di seluruh dunia.

Kesimpulan kajian ini boleh ditingkatkan dengan mencadangkan langkah penyelidikan berikut:

1. Analisis Empirikal: Kajian masa depan boleh melibatkan analisis empirikal untuk mengukur keberkesanan CLQ berdasarkan kepuasan pekerja atau produktiviti.
2. Kajian Perbandingan Mendalam: Kajian lanjutan boleh menumpukan kepada aspek spesifik seperti peranan teknologi pintar dalam meningkatkan pengurusan CLQ.
3. Pengadaptasian Amalan Terbaik: Kajian masa depan boleh mencadangkan strategi praktikal untuk mengadaptasi amalan terbaik dari Singapura dan Qatar ke dalam konteks Malaysia, mengambil kira cabaran budaya dan perundangan tempatan.

4. Pembangunan Kerangka Kerja Baru: Kajian boleh menghasilkan kerangka kerja khusus untuk pengurusan CLQ yang sesuai dengan cabaran industri pembinaan di Malaysia.

Dengan menambah dimensi teori dan mencadangkan langkah penyelidikan berikutnya, kajian ini dapat memberikan sumbangan yang lebih signifikan kepada literatur akademik dan amalan industri.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas biasiswa yang diberikan serta Penyelia dan Penyelia Bersama penagajian PhD. penulis.

PENGISYTIHARAN PERTENTANGAN MINAT

Tiada.

RUJUKAN

- Abdul-Aziz, A.R. 2001. Site operatives in Malaysia: Examining the foreign-local imbalance. *Construction Management and Economics* 19(1): 73-80.
- Abdul-Rahman, H., Wang, C., & Wood, L. C. 2012. Maintenance management of facilities in higher education institutions in Malaysia. *Journal of Facilities Management* 10(2): 138-154.
- Amnesty International. 2020. *Qatar: New Labour Law Reforms*. Amnesty International
- Ajzen, I. 1991. *The theory of planned behavior: Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50(2): 179-211
- Bowen, G. A. 2009. Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal* 9(2): 27-40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Building and Construction Authority (BCA) Singapore. 2020. *Code of Practice for Construction Safety and Health*. Available at: BCA Singapore.
- CIDB. 2018. *Garis panduan kemudahan dan penginapan sementara pekerja binaan. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia*.
- Economic Planning Unit Malaysia. 2022. *Eleventh Malaysia Plan, 2016-2020: Anchoring Growth on People*. Putrajaya: Economic Planning Unit, Prime Minister's Department.
- Fontinelle, A. 2019. Understanding standard of living. *Investopedia*. <https://www.investopedia.com/terms/s/standard-of-living.asp>
- Guomin Wei, Asmawan Mohd Sarman, Lillian Gungat, Minghe Li, Ling Shen, & Goh Siew Fang. 2023. Application of Building Information Modelling (BIM) six dimension (6D) in green buildings: A case study of sunshine and daylight analysis. *Jurnal Kejuruteraan* 35(2): 511-521. [https://doi.org/10.17576/jkukm-2023-35\(2\)-23](https://doi.org/10.17576/jkukm-2023-35(2)-23)
- Human Rights Watch. 2020. Joint Letter Re: End Violent Threats and Anti-Rohingya Campaigns in Malaysia
- International Labour Organization (ILO). 2020. *Guidelines on Decent Accommodation for Workers*. Geneva: ILO.
- Keles, R. 2011. The quality of life and the environment. *Social Indicators Research* 104(1): 13-22.
- Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan Malaysia. 2023. *Garis Panduan Penginapan Pekerja Berpusat*.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. 2022. *Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (CLQ)*. Putrajaya: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Khairilmizal Samsudin, Nurulilyana Sansuddin, Mohamad Fahmi Hussin, Ainul Husna Kamarudin, Maliki Hapani, & Ahmad Faizol Hashim. 2023. A review of emergency management governance at construction sites in Malaysia. *Jurnal Kejuruteraan* 35(2):275-285. [https://doi.org/10.17576/jkukm-2023-35\(2\)-02](https://doi.org/10.17576/jkukm-2023-35(2)-02)
- Kumar, P. 2013. Living conditions and health of construction workers in Bangalore. *International Journal of Development Research* 3(4): 32-36.
- Kumar, A. 2020. Living conditions and health status of migrant workers: A study in urban India.
- Lim, S. Y., & Wong, T. L. 2018. Management of centralized labour quarters in Malaysia: A case study approach. *International Journal of Built Environment and Sustainability* 5(3): 56-67. doi:10.11113/ijbes.v5.n3.24
- Ling, F. Y. Y., & Sha, K. 2010. Improving satisfaction of contractors' employees: Singapore vs. Japan. *Journal of Professional Issues in Engineering Education and Practice* 136(3): 108-116.
- Maslow, A. H. 1943. *A Theory of Human Motivation*. *Psychological Review* 50(4): 370-396.
- Mohd Fateh, M. S., Ismail, F., & Hashim, A. E. 2020. The impact of workers' accommodation on productivity in the construction industry. *International Journal of Building Pathology and Adaptation* 38(2): 231-243.
- Mohd Zaki, Z. A., Abdullah, D. A., Janipha, N. A. I., & Nasir, N.M. 2023. The effectiveness of centralised labour quarters (CLQ) in Malaysian construction project. *Malaysian Construction Research Journal (MCRJ)*: 242.

- Ministry of Manpower (MOM) Singapore. 2020. Joint MND-MOM media release on new dormitories with improved standards for migrant workers.
- Morgan, H. 2024. Conducting a qualitative document analysis. *NSUWorks*. <https://nsuworks.nova.edu/>
- National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Malaysia. 2019. *Occupational Safety and Health in Centralised Labour Quarters*. Dicapai dari: NIOSH Malaysia.
- Ng, C.F., & Lee, K.M. 2007. The importance of sustainable development. *Journal of Environmental Management* 84(4): 408-417.
- Noorsaidi Mahat, Asmah Alia Mohamad Bohari, Mohd Azrai Azman, Natasha Khalil, Amira Shazlin Adnan, & Mohd Iskandar Abd Malek. 2022. E-procurement adoption in the Malaysian construction sector: Integrating diffusion of innovations and theory of planned behaviour framework. *Jurnal Kejuruteraan* 34(3): 347-352. [https://doi.org/10.17576/jkukm-2022-34\(3\)-01](https://doi.org/10.17576/jkukm-2022-34(3)-01)
- Qatar National Vision 2030. 2020. *Ministry of Development Planning and Statistics, State of Qatar*. Qatar National Vision 2030.
- Razak, A. H., & Latiff, R. A. 2021. The impact of centralized labour quarters on worker welfare in the construction industry in Malaysia. *Journal of Construction in Developing Countries* 26(1): 33-45. doi:10.21315/jcdc2021.26.1.3
- Suffian, M., & Zaini, Z. 2020. A study on the implementation of centralized labour quarters in Malaysia: Challenges and opportunities. *Malaysian Construction Research Journal* 8(2): 45-60. doi:10.5782/8.2.2020.45
- Sukhadeva S. Sukumar, Abu Hanifah Yusof, Muhamad Iqbal Aslam Abd Hafiz, Muhamad Razuhanafi Mat Yazid, Mohd Azizul Ladin, & Mukhlis Nahriri Bastam. 2023. Sustainable cost optimisation measures for the lifecycle of tolled highway projects in Malaysia. *Jurnal Kejuruteraan* 35(2): 475-484. [https://doi.org/10.17576/jkukm-2023-35\(2\)-19](https://doi.org/10.17576/jkukm-2023-35(2)-19)
- Tam, V. W. Y., & Zeng, S. X. 2019. Environmental performance improvement in construction through environmental assessment tools and sustainable practices in Hong Kong.
- Wan, Y. 2019. Safety and health of migrant construction workers in Malaysia. *Journal of Occupational Safety and Health* 16(3): 57-65.
- Yee, L.L., Ahmad, R., & Hashim, H. 2017. The impact of foreign labour on building safety. *Journal of Construction in Developing Countries* 22(2): 87-102.
- Yoon, S. W., Lin, Z., & Chen, D. 2018. Impact of accommodation quality on construction labor productivity: A case study in South Korea.
- Zulkifli, M. Z., & Noor, M. M. 2019. Design and planning of centralized labour quarters in urban areas: An integrated approach. *Journal of Urban Planning and Development* 145(2): 04019005. doi:10.1061/(ASCE)UP.1943-5444.0000491
- Zubir, H. B., & Abdul Rahim, A. 2021. A study of quality living environment for temporary construction workers' accommodation in Malaysia. *International Journal of Environment, Architecture, and Societies* 1(2):64-72. <https://doi.org/10.26418/ijeas.2021.1.02.64-72>